

Salasilah Penggantian Raja Pemerintah Pahang Bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka: Satu Tinjauan Elemen Struktur Asas Perlembagaan Persekutuan Malaysia

BITARA

Volume 9, Issue 1, 2026: 23-32
© The Author(s) 2026
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 1 Disember 2025
Accepted: 30 Disember 2025
Published: 16 January 2026

[Genealogy of Succession of the Ruler of Pahang Beginning from the Malacca Sultanate: An Examination of Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution of Malaysia]

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain,^{1&2} Nik Mansor Nik Mustafa,³ Zulfadli Maarof⁴
& Ahmad Farid Abd Jalal⁵

- 1 International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC-IIUM), International Islamic University Malaysia (IIUM) 24, Persiaran Tuanku Syed Sirajuddin, Bukit Tunku, 50480 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, MALAYSIA. E-mail: wanfauzi@iium.edu.my
- 2 Fakulti Pengurusan Industri, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah 26600 Pekan Pahang, MALAYSIA
- 3 Kor Akwam 181, Pertubuhan Seni Gayong Serantau Malaysia, Pejabat Urusan PSGSM, No 2, Jalan PJS 10/24, Subang Indah, 46150 Petaling Jaya, Selangor.
- 4 Program Sejarah Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA
- 5 Perbadanan Muzium Negeri Pahang, Jalan Tengku Ampuan, Taman Merdeka, 26600 Pekan, Pahang

*Corresponding Author: wanfauzi@iium.edu.my

Abstrak

Kesinambungan hubungan antara Negeri-Negeri Melayu sebagai pendiri Persekutuan Tanah Melayu dengan Kesultanan Melayu Melaka masih kurang diberi perhatian dalam penulisan kontemporari, meskipun ia signifikan dalam konteks prinsip kedaulatan yang terpelihara melalui Undang-Undang Tubuh Negeri. Hubungan ini menegaskan bahawa adat Melayu bukan sekadar warisan budaya, tetapi telah diinstitusikan sebagai prinsip perlembagaan yang mendasari kelestarian institusi Raja. Kedudukan tersebut semakin terserlah apabila Mahkamah Persekutuan dalam kes Indira Gandhi [2018] menekankan kaedah tafsiran perlembagaan yang berorientasikan tujuan, berakar pada sejarah, serta berasaskan struktur asas perlembagaan. Artikel ini tidak bertujuan menganalisis secara langsung prinsip kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka atau Kesultanan Pahang moden, sebaliknya membuka ruang kajian dengan mengemukakan salasilah penggantian Kesultanan Melayu Melaka sehingga sampai kepada Raja Pemerintah Pahang hari ini. Metodologi kajian menggunakan analisis Jurisprudens Watan yang merangkumi kerangka indikator pelestarian kesultanan, pengangkatan Raja, dan pemakzulan Raja. Kerangka ini amat penting dalam menilai maklumat sejarah yang bercanggah, khususnya mengenai pemerintah sebenar Negeri Pahang antara tahun 1614 dan 1641. Dapatan kajian membuktikan bahawa Negeri-Negeri Melayu, khususnya Kesultanan Pahang sebagai salah satu pendiri Persekutuan Tanah Melayu, mempunyai kaitan langsung dengan Kesultanan Melayu Melaka yang tidak terputus sehingga kini. Hal ini menegaskan bahawa adat Melayu berfungsi sebagai benteng perundangan yang memastikan kesinambungan kedaulatan Raja dalam kerangka negara bangsa Malaysia.

Kata kunci: Struktur asas perlembagaan, Kesultanan Melayu Melaka, Kesultanan Pahang Moden, Kelestarian hubungan watan, Jurisprudens Watan.

Abstract

The continuity of relations between the Malay States, as founders of the Federation of Malaya, and the Malacca Sultanate has received limited attention in contemporary scholarship, despite its significance for the sovereignty principles preserved in the State Constitutions. This relationship underscores that Malay custom is not merely cultural heritage but has been institutionalised as a constitutional principle underpinning the monarchy's sustainability. This importance is further highlighted by the Federal Court in *Indira Gandhi* [2018], which affirmed a purposive constitutional interpretation rooted in history and the Constitution's basic structure. This article does not aim to analyse the sovereignty principles of the Malacca Sultanate or the modern Pahang Sultanate directly. Instead, it seeks to open the path for such studies by first presenting the genealogy of succession from the Malacca Sultanate to the present Ruler of Pahang. The methodology applies Watanic Jurisprudence, using frameworks such as the indicators of Sultanate preservation, the appointment of rulers, and the deposition of rulers. These frameworks are crucial in evaluating conflicting historical accounts, particularly regarding the legitimate ruler of Pahang between 1614 and 1641. The findings demonstrate that the Malay States, especially the Sultanate of Pahang, as one of the founding entities of the Federation of Malaya, maintain a direct and unbroken link with the Malacca Sultanate. This continuity affirms that Malay custom serves as a constitutional safeguard, ensuring the endurance of royal sovereignty within Malaysia's nation-state framework.

Keywords: Constitutional basic structure, Malacca Sultanate, Modern Pahang Sultanate, Sustainability of indigenous relations, Watanic Jurisprudence.



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Nik Mansor Nik Mustafa, Zulfadli Maarof & Ahmad Farid Abd Jalal. (2026). Salasilah Penggantian Raja Pemerintah Pahang Bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka: Satu Tinjauan Elemen Struktur Asas Perlembagaan Persekutuan Malaysia [Genealogy of Succession of the Ruler of Pahang Beginning from the Malacca Sultanate: An Examination of Elements of the Basic Structure of the Federal Constitution of Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 9(1): 33-44.

PENGENALAN

Penulisan kontemporari jarang sekali menitikberatkan perhubungan sembilan buah Negeri Melayu yang menjadi pendiri Persekutuan Tanah Melayu dengan Kesultanan Melayu Melaka. Hakikatnya, perhubungan tersebut amat signifikan dalam pentafsiran sejarah perundangan negara, khususnya berhubung dengan prinsip kedaulatan yang terpelihara dalam Undang-Undang Tubuh Negeri. Isu ini menguji kesinambungan kelestarian Kesultanan Melayu Melaka yang bersumberkan adat Melayu serta berpaksikan prinsip patuh syariah.

Kepentingan prinsip tersebut semakin terserlah apabila Mahkamah Persekutuan dalam kes *Indira Gandhi* [2018] mengesahkan kaedah tafsiran Perlembagaan berasaskan pendekatan Mahkamah Agung Kanada. Mahkamah Agung Kanada menegaskan bahawa Perlembagaan melaksanakan suatu struktur pemerintahan yang mesti difahami melalui teks Perlembagaan itu sendiri, konteks sejarah, serta tafsiran kehakiman terdahulu. Tafsiran perlembagaan hendaklah dilakukan secara luas, berorientasikan tujuan, dan diletakkan dalam konteks linguistik, falsafah, serta sejarah yang sewajarnya. Prinsip asas seperti *federalisme*, demokrasi, perlindungan minoriti, perlembagaan, dan kedaulatan undang-undang menjadi contoh bagi panduan utama dalam proses tersebut.

Mahkamah Persekutuan itu menegaskan kaedah tafsiran ini membawa kepada

kesimpulan bahawa Perlembagaan memiliki suatu “seni bina dalaman” atau “struktur asas” yang menegaskan hubungan erat antara setiap elemen perlembagaan. Dengan kata lain, tafsiran Perlembagaan mesti dilakukan untuk mengenal pasti struktur pemerintahan yang hendak dilaksanakan, termasuk andaian-andaian yang mendasari teks serta cara kita memahami dan mengaplikasikannya.

Berlandaskan kaedah tafsiran tersebut, sifat dan ciri struktur asas Perlembagaan Persekutuan hendaklah dilihat berakar pada *watan* negara ini. Justeru, kelestarian prinsip kedaulatan negeri-negeri Melayu menjadi teras kesinambungan sejarah dan identiti Perlembagaan Persekutuan Malaysia (Wan Ahmad Fauzi, 2017a, 2017b, 2021, 2022, 2023, 2024; Wan Husain, 2017).

Sumber perundangan yang meneguhkan kedudukan ini dapat dirujuk dalam undang-undang tertulis adat Melayu, antaranya pelbagai versi Hukum Kanun Melayu yang menunjukkan pindaan dari masa ke masa berdasarkan keperluan kontemporari. Tradisi ini berkembang melalui *Hukum Kanun Pahang*, *Hukum Kanun Johor*, *Hukum Kanun Perang*, *Undang-Undang Kedah*, dan *Qanun Sultan Sulaiman Riau*. Walaupun kajian popular lebih menekankan aspek darah keturunan dalam pewarisan takhta, kajian Wan Ahmad Fauzi (2017a, 2017b, 2018, 2023), Wan Husain (2017), Wan Husain & Maarof (2023) dan Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Abd Jalal, & Omardin (2024) telah memperluas perdebatan kepada konsep pelestarian kesultanan Melayu berasaskan prinsip kedaulatan yang sama, bersumberkan adat Melayu dan prinsip patuh syariah.

Konsep-konsep tersebut amat penting kerana ia menjelaskan bagaimana adat Melayu menguruskan isu pewarisan, krisis tuntutan takhta, dan kelestarian institusi beraja. Malah, adat Melayu yang bersifat adat perlembagaan telah diangkat sebagai sumber perundangan yang memelihara kelangsungan institusi Raja dalam Perlembagaan Persekutuan, khususnya melalui Perkara 71, 160(2) dan 150(6a). Perkara 71 menjamin hak Raja sesuatu Negeri untuk naik takhta dan menikmati keistimewaan perlembagaan, Perkara 160(2) mentafsirkan adat dan kelaziman termasuklah dalam maksud undang-undang manakala Perkara 150(6a) menegaskan bahawa kuasa Parlimen tidak boleh diperluas kepada perkara hukum syarak atau adat Melayu, bahkan tidak boleh mengesahkan peruntukan yang bercanggah dengan perlembagaan mengenai agama, kewarganegaraan, atau bahasa (Wan Ahmad Fauzi, 2021, 2022; Wan Husain, 2017).

Maka, kedudukan adat Melayu bukan sekadar unsur budaya di Tanah Melayu warisan *sons of the soil* atau terjemahannya anak-anak tempatan (Mohamed Anwar, Wan Husain, Abu Bakar, & Zakaria, 2013) tetapi telah diinstitusikan sebagai prinsip perlembagaan yang tidak boleh digugat walaupun dalam keadaan darurat. Hal ini membuktikan bahawa adat Melayu adalah asas penting bagi kelestarian institusi Raja Melayu, kerana ia menjadi benteng perundangan yang memastikan kesinambungan kedaulatan Raja dalam kerangka negara bangsa Malaysia.

Artikel ini tidak bertujuan untuk menganalisis aspek prinsip kedaulatan Kesultanan Melayu Melaka dan Kesultanan Pahang Moden pada hari ini. Matlamatnya adalah untuk membuka pintu kajian tersebut dengan mengemukakan terlebih dahulu salasilah penggantian Kesultanan Melayu Melaka sehingga turun kepada Raja Pemerintah Pahang hari ini. Dapatan: Artikel ini membuktikan satu keterangan penting bahawa Negeri Melayu, khususnya Kesultanan Pahang yang merupakan salah satu pendiri Persekutuan Tanah Melayu, mempunyai kaitan langsung dengan Kesultanan Melayu Melaka yang tidak terputus sehingga hari ini.

METODOLOGI

Kajian dalam Artikel ini menggunakan analisis Jurisprudens Watan yang mengemukakan beberapa konseptual yang telah dibahas dalam kajian lepas (Wan Ahmad Fauzi, 2018, 2021, 2022; Wan Husain, 2027; Wan Husain & Maarof, 2023; Wan Ahmad Fauzi et al., 2024) iaitu Kerangka Indikator Pelestarian Kesultanan, Kerangka Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar atau Raja, dan Kerangka *Pemakzulan* Yang di-Pertuan Besar atau Raja. Kerangka analisis tersebut amat penting apabila berhadapan dengan pelbagai maklumat yang saling bercanggah tentang siapakah pemerintah sebenar negeri Pahang dalam tempoh 1614 hingga 1641. Sumber utama yang dirujuk ialah hasil kajian Adil (1972, 2021), Abdul Samad (1985, 2015), Hashim (2015), Raja Ali Haji (1998), Tun Seri Lanang (1997), Linehan (2020) serta kajian lepas pengarang-pengarang sendiri.

Kerangka Indikator Pelestarian Kesultanan

Konsep pelestarian kesultanan berpaksikan empat indikator utama yang menegaskan kesinambungan kedaulatan:

- (1) Yang di-Pertuan Besar ialah ketua kerajaan berdaulat atau Raja sebuah wilayah pemerintahan di bawah Yang di-Pertuan Besar (mengikut mana-mana yang berkenaan);
- (2) Baginda wajib menganut agama Islam sebagai asas keabsahan pemerintahan;
- (3) Pengangkatan baginda dilakukan melalui proses *syura* dan *bai'ah* yang mencerminkan prinsip *ahl al-halli wa al-'aqdi*; dan
- (4) Pemerintahan berlandaskan prinsip kedaulatan watan yang memelihara agama, hukum dan adat.

Dari perspektif epistemologi adat Melayu-Islam, kesinambungan kesultanan tidak bergantung kepada pewarisan takhta secara keturunan semata-mata, tetapi kepada *kelestarian institusi daulat*. Adat Melayu memperuntukkan mekanisme penggantian yang sah, seperti pengangkatan Bendahara apabila tiada waris ganti. Prinsip ini menegaskan bahawa sumber keabsahan politik berakar pada *syura*, *bai'ah* dan adat Melayu, bukan hanya garis darah (Wan Ahmad Fauzi, 2017a, 2017b, 2022; Wan Husain, 2017).

Kerangka Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar atau Raja

Kerangka pengangkatan Yang di-Pertuan Besar atau Raja menstrukturkan prosedur legitimasi pemerintahan berdasarkan enam prasyarat utama:

- (1) wujudnya kerajaan atau kesultanan yang berdaulat;
- (2) kekosongan takhta;
- (3) Penggantian dipandu oleh wasiat almarhum Yang di-Pertuan Besar atau hasrat baginda, atau pencalonan Bendahara, Yam Tuan Muda, atau pembesar utama (mengikut mana-

- mana yang berkenaan);
- (4) muafakat *ahl al-halli wa al-'aqdi*;
 - (5) pelaksanaan *aqad* (ijab dan qabul); dan
 - (6) Perlafazan *bai'ah* oleh para pembesar, ulama dan pemimpin masyarakat tempatan.

Keputusan ini kemudiannya dimasyhurkan melalui istiadat rasmi sebelum permakaman dan diikuti pertabalan atau apabila berlaku kekosongan. Namun, menurut tradisi adat Melayu, pertabalan tidak merupakan syarat sah pelantikan, sebaliknya berperanan sebagai upacara pengesahan awam (Wan Husain & Maarof, 2023; Wan Ahmad Fauzi et al, 2024). Proses ini menunjukkan kesinambungan antara prinsip *syura* dan adat Melayu sebagai dua sendi legitimasi kuasa berdaulat.

Kerangka Pemakzulan Yang di-Pertuan Besar atau Raja

Kerangka *pemakzulan* menjelaskan tujuh keadaan yang menyebabkan perlucutan takhta secara sah seperti yang dibahaskan oleh Wan Husain & Maarof (2023); Wan Ahmad Fauzi et al, 2024):

- (1) Penyerahan takhta mengikut adat Melayu atau peruntukan undang-undang perlembagaan;
- (2) Kehilangan sebahagian wilayah akibat perang atau perjanjian yang sah;
- (3) Kehilangan kerajaan akibat kekalahan perang;
- (4) Ketiadaan dalam negeri melebihi tempoh yang dibenarkan;
- (5) Pemecatan oleh Yang di-Pertuan Besar atau *ahl al-halli wa al-'aqdi* (mengikut mana-mana yang berkenaan);
- (6) Kemangkatan akibat dibunuh; dan
- (7) Kemurtadan.

PEWARISAN GANTI DARIPADA KESULTANAN MELAYU MELAKA

Kerangka Indikator Pelestarian Kesultanan, Kerangka Pengangkatan Yang di-Pertuan Besar atau Raja, dan Kerangka *Pemakzulan* Yang di-Pertuan Besar atau Raja telah dijadikan asas untuk menyusun pewarisan ganti Raja Pemerintah Pahang bermula daripada Kesultanan Melayu Melaka sehingga ke hari ini seperti yang berikut:

1. Permaisura Iskandar Shah (m. 1394–1414)
2. Sultan Megat Iskandar Shah ibni Permaisura Iskandar Shah (m. 1414–1424)
3. Sultan Muhammad Shah @ Seri Maharaja (Raja Tengah) I ibni Sultan Megat Iskandar Shah (m. 1424–1444)
4. Sultan Abu Syahid Shah ibni Sultan Muhammad Shah (m. 1445–1446)
5. Sultan Muzaffar Shah I ibni Sultan Muhammad Shah (m. 1446–1456)
6. Sultan Mansor Shah I ibni Sultan Muzaffar Shah (m. 1456–1477)
7. Sultan Muhammad Shah II ibni Sultan Mansur Shah (m. 1470–1475) – Raja Pahang I
8. Sultan Ahmad Shah I ibni Sultan Mansur Shah (m. 1475–1495) – Raja Pahang II
9. Sultan Abdul Jamil Shah ibni Sultan Muhammad Shah II (m. 1495–1512) – Raja Pahang

III

10. Sultan Mansur Shah II ibni Sultan Ahmad Shah I (m. 1495–1519) – Raja Pahang IV
11. Sultan Mahmud Shah ibni Sultan Muhammad II (m. 1519–1530) – Raja Pahang V
12. Sultan Muzaffar Shah II ibni Sultan Mahmud Shah (m. 1530–1540) – Raja Pahang VI
13. Sultan Zainal Abidin Shah ibni Sultan Mahmud Shah (m. 1540–1555) – Raja Pahang VII
14. Sultan Mansur Shah III ibni Sultan Zainal Abidin Shah (m. 1555–1560) – Raja Pahang VIII
15. Sultan Abdul Jamal Shah ibni Sultan Zainal Abidin Shah (m. 1560–1575) – Raja Pahang IX
16. Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah ibni Sultan Zainal Abidin Shah (m. 1575–1590) – Raja Pahang X
17. Sultan Ahmad Shah II ibni Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah (m. 1590–1592) – Raja Pahang XI
18. Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah ibni Sultan Abdul Kadir Alauddin Shah (m. 1592–1614) – Raja Pahang XII
19. Sultan Ala'uddin Riayat Shah ibni Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah (m. 1614–1637) – Raja Pahang XIII
20. Sultan Abdul Jalil III (Raja Bujang) ibni Sultan Alauddin Riayat Shah III (m. 1637–1641) – Raja Pahang XIV
21. Raja Bajau ibni Sultan Abdullah Ma'ayat Shah (m. 1641–1676) – Raja Pahang XV
22. Raja Ibrahim ibni Yang di-Pertuan Muda Raja Bajau (m. 1676–1677) – Raja Pahang XVI
23. Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jamil putera Tun Muhammad Ali (m. 1677–1688) – Raja Pahang XVII
24. Bendahara Seri Maharaja Tun Habib Abdul Majid (m. 1688–1697) – Raja Pahang XVIII
25. Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Jalil putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1697–1699) – Raja Pahang XIX
26. Yam Tuan Muda Tun Mahmud putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1699–1706/07) – Raja Pahang XX
27. Bendahara Seri Maharaja Tun Mas Jiwa putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1706/07–1716) – Raja Pahang XXI
28. Bendahara Paduka Raja Tun Abdullah putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1716–1718) – Raja Pahang XXII
29. Bendahara Tua Tun Abdul Jamal putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1718–1748) – Raja Pahang XXIII
30. Bendahara Seri Maharaja Tun Hasan putera Tun Abbas (m. 1748–1770) – Raja Pahang XXIV
31. Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid putera Tun Abbas (m. 1770–1802) – Raja Pahang XXV
32. Bendahara Tun Muhammad @ Engku Sentul putera Tun Abdul Majid (m. 1802–1802) – Raja Pahang XXVI
33. Bendahara Paduka Raja Tun Koris putera Tun Abdul Majid (m. 1803–1806) – Raja Pahang XXVII

34. Bendahara Seri Wak Raja Tun Ali putera Tun Koris (m. 1806–1857) – Raja Pahang XXVIII
35. Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir putera Tun Ali (m. 1857–1863) – Raja Pahang XXIX
36. Bendahara Seri Wak Raja Wan Ahmad putera Tun Ali (m. 1863–1884) – Raja Pahang XXX
37. DYMM Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah ibni Almarhum Bendahara Seri Wak Raja Tun Ali (m. 1884–1914) – Pengasas Kesultanan Pahang Moden, Raja Pahang XXXI
38. DYMM Sultan Mahmud ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah (m. 1914–1917) – Raja Pahang XXXII
39. DYMM Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah ibni Almarhum Sultan Ahmad Al-Mu'adzam Shah (m. 1917–1932) – Raja Pahang XXXIII
40. KDYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah (m. 1932–1974) – Raja Pahang XXXIV
41. KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (m. 1974–2019) – Raja Pahang XXXV
42. KDPB Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah (2019–sedang bertakhta) – Raja Pahang XXXVI.

Jelas daripada keterangan bertulis apabila Raja Muhammad Shah putera Sultan Mansor Shah diangkat menjadi raja pemerintah, Pahang turut bertukar status menjadi sebuah negeri lindungan Kesultanan Melayu Melaka lalu dikurniakan gelaran Sultan. Apabila wilayahnya bergabung di bawah Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga, pemerintah Pahang berstatus Yang di-Pertuan Muda Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga. Baginda ialah Raja Bajau ibni Sultan Abdullah Ma'ayat Shah dan kemudian diganti oleh Raja Ibrahim ibni Yang di-Pertuan Muda Raja Bajau. Baginda-baginda berdua turut mempunyai pertalian darah dengan Sultan Ala'uddin Riayat Shah ibni Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah. Raja Pahang berstatus Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga bermula apabila Raja Ibrahim ibni Yang di-Pertuan Muda Raja Bajau naik takhta sebagai Yang di-Pertuan Besar sebelum mempunyai putera. Kecuali hanya seorang sahaja Raja Pemerintah Pahang iaitu Bendahara Tua Tun Abdul Jamal putera Tun Habib Abdul Majid (m. 1718–1748) yang tidak menjadi Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga. Akhirnya Raja Pahang diletakkan di bawah keturunan Bendahara Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga sehinggalah muncul berdaulat dan berkerajaan sendiri.

PERBAHASAN SALASILAH RAJA PEMERINTAH PAHANG

Kesultanan Johor–Pahang–Riau Lingga merupakan kesinambungan sah Kesultanan Melayu Melaka yang berpindah pusat pemerintahannya ke Johor selepas kejatuhan Kota Melaka kepada Portugis pada 15 Ogos 1511. Sultan Mahmud Shah I sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Melayu Melaka telah meneruskan kedaulatannya di luar Kota Melaka dan sebahagian besar wilayah taklukan serta negeri naungan kekal setia di bawah pemerintahan baginda serta keturunannya. Pengganti baginda, Raja Ali, menaiki takhta dengan gelaran Sultan Ala'uddin Riayat Shah II (m.1528–1564) dan mewarisi hampir keseluruhan wilayah Kesultanan Melayu Melaka kecuali kota pemerintahan yang jatuh ke tangan Portugis serta negeri Pahang dan Perak

yang ketika itu masing-masing diperintah oleh Sultan Mahmud Shah (m.1519–1530) dan Sultan Mudzaffar Shah (m.1528–1549), saudara kandung baginda (Hashim, 2015; Adil, 1972, 2021).

Dalam struktur politik tradisional Melayu, kedudukan Yang di-Pertuan Besar berada di puncak hierarki kuasa, mengatasi pemerintah bergelar Sultan, Yam Tuan Muda, Yang di-Pertuan Muda, dan Raja, walaupun mereka turut membawa gelaran kesultanan. Penstrukturan semula kuasa ini menjadi lebih kompleks apabila Sultan Sulaiman Badrul Alam Shah (m.1722–1760) diangkat sebagai Yang di-Pertuan Besar Kesultanan Johor–Pahang–Riau Lingga oleh Raja Bugis bersaudara. Berdasarkan *wa'adat* (perjanjian) antara kedua-dua pihak, sebahagian budi bicara Bendahara termasuk pelantikan calon Yang di-Pertuan Besar, pelaksanaan fungsi pemerintahan, dan kepimpinan perang dipindahkan kepada Yam Tuan Muda. Dalam era pemerintahan baginda, diperkenalkan Qanun Sultan Sulaiman Riau yang mengekalkan prinsip undang-undang Islam dan adat Melayu sebagai asas perundangan (Wan Ahmad Fauzi & Maarof, 2023).

Walaupun bagaimanapun, menurut Wan Husain & Maarof (2023, hlm. 249), prerogatif adat yang bersifat eksklusif kepada Sultan Yang di-Pertuan Besar tetap kekal, termasuk (1) menjadi ketua agama Islam; (2) mengabsahkan adat sebagai undang-undang; (3) menentukan hubungan diplomatik; (4) mengisytiharkan perang dan menentukan kewilayahan; (5) memperkenalkan hukuman mati; dan (6) memelihara hak kesultanan seperti bahasa istana dan protokol diraja. Walaupun prerogatif ini secara amalnya dilaksanakan setelah berunding dengan para pembesar, kewujudan jawatan Yam Tuan Muda memperkenalkan sistem nasihat dua hala yang sering bergantung kepada kekuatan politik dan pengaruh semasa pihak tersebut.

Dari sudut pentadbiran, Kesultanan Johor–Pahang–Riau Lingga mengekalkan struktur gelaran tradisional seperti Seri Wak Raja, Seri Maharaja, dan Paduka Raja, yang dikaitkan dengan pembesar utama seperti Bendahara, Temenggong, dan Laksamana. Gelaran ini mencerminkan perbezaan tahap prerogatif dan bidang kuasa seseorang pembesar. Misalnya, Bendahara Seri Wak Raja memegang wilayah pegangan di Pekan, Kuala Lipis dan Rompin, manakala Temenggong Seri Maharaja berkuasa di Muar, Batu Pahat dan Sungai Johor (Hashim, 2015). Struktur ini menunjukkan kesinambungan sistem politik Kesultanan Melayu Melaka yang disesuaikan dengan konteks geopolitik baharu di bawah Johor–Riau Lingga.

Dari segi sejarah politik, pemerintahan Kesultanan ini turut menyaksikan episod perebutan kuasa. Setelah Sultan Abdul Ghaffar Muhyiddin Shah mangkat, puteranya mengisytiharkan diri sebagai Sultan Ala'uddin Riayat Shah yang turut dikenali juga sebagai El Ray de Pao dengan sokongan Sultan Ahmad I, namun pelantikannya ditolak oleh sebahagian kerabat diraja kerana dikaitkan dengan pembunuhan ayahandanya. Pertikaian tersebut mendorong Sultan Ala'uddin Riayat Shah III daripada Kesultanan Johor–Riau menjalin perjanjian dengan Portugis pada Ogos 1615 untuk meletakkan putera baginda, Raja Bujang, sebagai pemerintah Pahang bagi menjamin kestabilan politik dan perdagangan di Selat Melaka. Namun, tindakan tersebut dianggap mengingkari persetiaan dengan Kesultanan Aceh pada tahun 1614, menyebabkan baginda ditawan semula oleh Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam dan dihukum bunuh di Aceh. Setelah kemangkatannya, adinda seibu Sultan Ala'uddin Riayat Shah III diangkat sebagai Sultan Abdullah Muhyiddin Shah dengan restu Sultan Aceh (Adil, 1972; Linehan, 2020).

Menurut fakta yang dikemukakan oleh Buyong Adil (1972), Sultan Ala'uddin Riayat Shah atau El Ray de Pao bolehlah dirumuskan memerintah sehingga tahun 1637. Kemunculan

Sultan Abdul Jalil III pada tahun 1637 sebagai Yang di-Pertuan Besar pertama Kesultanan Johor-Pahang-Riau Lingga, menandakan struktur kesultanan yang baharu dan bersekutu. Walaupun konflik dalaman berterusan sehingga kemangkatan Sultan Iskandar Thani Aceh pada 1641, tahun yang sama menyaksikan Sultan Abdul Jalil III melantik Raja Bajau, putera Sultan Abdullah Muhayyat Shah, sebagai Yang di-Pertuan Muda dan pemerintah Pahang (Adil, 1972, hlm. 66–67). Sejak itu, Pahang menjadi wilayah pegangan Yang di-Pertuan Muda sehinggalah 1677 apabila Bendahara Paduka Raja Tun Jamil dilantik sebagai Bendahara pertama yang memerintah Pahang secara langsung.

Tidak dapat dinafikan bahawa dalam tempoh 1615 hingga 1637, terdapat maklumat yang bercanggah tentang pemerintah sebenar Pahang kerana terdapat tiga pihak yang cuba menguasai wilayah tersebut. Pihak tersebut ialah Sultan Pahang yang diangkat oleh para pembesar tempatan untuk menggantikan Sultan Abdul Ghaffar pada tahun 1614, iaitu putera baginda, Sultan Ala'uddin Riayat Shah yang turut dikenali sebagai El Ray de Pao, pihak Kesultanan Johor yang sama ada ingin mencampuri urusan takhta Kesultanan Pahang, atau cuba bertapak di negeri tersebut, dan Sultan Iskandar Muda, seorang pemerintah Kesultanan Melayu Aceh yang memusuhi mana-mana kesultanan Melayu yang menjalinkan perhubungan baik dengan Portugis. Ada sumber yang menyokong Raja Bujang berjaya menyatukan Pahang seawal tahun 1623, tetapi percanggahan tetap berlaku dengan kehadiran wakil Sultan Ala'uddin Riayat Shah, putera Sultan Abdul Ghaffar, di Kepulauan Riau Lingga. Menurut Buyong Adil (1972, hlm. 64):

“Satelah Sultan Iskandar Thani jadi Sultan Aceh, pada awal tahun 1637, orang besar2 wakil dari negeri Pahang telah datang membuat perjanjian damai dengan Aceh di-Pulau Bulang (dalam Kepulauan Riau- Lingga); dipercayai orang besar2 wakil dari Pahang itu telah di-hantar oleh Raja Pahang Putera Marhum Pahang yang tiada diketahui nama-nya itu”.

Linehan (2020) memberikan pemerhatian berbeza apabila menyatakan Pahang diletakkan sepenuhnya di bawah pentadbiran Bendahara bermula Bendahara Paduka Raja Tun Abdul Majid putera Tun Abbas (m.1718–1802). Tun Abdul Majid (m.1770–1802) digantikan oleh puteranya, Wan Koris (m.1803–1806), diikuti oleh Wan Ali (m.1806–1857) bergelar Bendahara Seri Wak Raja, kemudian Wan Mutahir (m.1857–1863) bergelar Bendahara Seri Maharaja.

Perkembangan yang lebih signifikan berlaku pada 29 Oktober 1830, apabila Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah (m.1812–1832) memeterai satu perjanjian dengan Residen Riau, wakil rasmi Kerajaan Belanda. Perjanjian ini merupakan pelaksanaan langsung kepada dasar yang terkandung dalam Perjanjian Inggeris-Belanda 1824. Dalam Perjanjian 1830 itu, secara tersurat dinyatakan bahawa “Johor dan Pahang tiada lagi di bawah Yang di-Pertuan Besar Lingga,” menandakan pelepasan hak kesultanan terhadap kedua-dua wilayah tersebut. Berdasarkan prinsip undang-undang antarabangsa serta adat Melayu, pelepasan tersebut membawa implikasi bahawa Johor dan Pahang kini berdaulat untuk berkerajaan sendiri. Kedua-dua wilayah ini sememangnya memiliki raja pemerintah masing-masing yang berstatus Seri Maharaja (Johor) dan Seri Wak Raja (Pahang), maka pemisahan tersebut hanya mengesahkan realiti politik dan adat yang telah lama berakar (Samad Ahmad, 1985; Wan Ahmad Fauzi &

Maarof, 2023).

Dalam konteks Pahang, pemerintah pada waktu itu ialah Bendahara Tun Ali Seri Wak Raja. Meskipun baginda tidak menggunakan gelaran Sultan semasa hayatnya, namun dari segi adat Melayu dan undang-undang antarabangsa, kedudukan baginda boleh diiktiraf sebagai pemerintah berdaulat yang bebas daripada kekuasaan Riau Lingga. Adat Melayu yang mengizinkan Bendahara menggantikan Yang di-Pertuan Besar mempunyai preseden sejarah, sebagaimana berlaku selepas kemangkatan Sultan Mahmud II pada tahun 1699, apabila Bendahara Tun Abdul Jalil diangkat sebagai Sultan Abdul Jalil Riayat Shah IV. Maka, pengunduran Sultan Abdul Rahman Muazzam Shah melalui Perjanjian 1830 menandakan kesinambungan sah adat tersebut dan mengabsahkan Pahang sebagai kesultanan berdaulat sekaligus penyambung legasi Kesultanan Melayu Melaka (Wan Ahmad Fauzi, 2017, 2018, 2021, 2022; Wan Ahmad Fauzi & Maarof, 2023; Wan Ahmad Fauzi et al., 2024).

Setelah Bendahara Seri Maharaja Tun Mutahir dimakzulkan, adindanya, Wan Ahmad, diangkat sebagai Bendahara Seri Wak Raja pada 10 Jun 1863. Kedudukan baginda sebagai pemerintah berdaulat menjadikan baginda layak menurut adat untuk diangkat sebagai Sultan. Maka pada 6 Ogos 1882, para pembesar negeri mempersetujui supaya Bendahara Wan Ahmad memakai gelaran Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad al-Mu‘azzam Shah, sekaligus menandakan kelahiran Kesultanan Pahang Moden (Adil, 2021).

Susur takhta selepas baginda memperlihatkan kesinambungan institusi berdaulat yang utuh dan tidak dijajah, dengan pemerintahan diteruskan oleh Sultan Mahmud Shah (m.1914–1917), Sultan Abdullah al-Mu‘tassim Billah Shah (m.1917–1932), Sultan Abu Bakar Ri‘ayatuddin al-Mu‘azzam Shah (m.1932–1974), Sultan Haji Ahmad Shah al-Musta‘in Billah (m. 1974–2019) dan kini Kebawah Duli Paduka Baginda Al-Sultan Abdullah Ri‘ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Pahang Darul Makmur serta segala jajahan takluknya. Kesinambungan ini memperkukuh kedudukan Pahang sebagai kesultanan berdaulat yang berpaksikan warisan hukum, adat, dan kedaulatan watan yang tidak pernah terputus sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

RUMUSAN DAN PENUTUP

Kajian ini membuktikan bahawa Kesultanan Pahang tidak bermula pada tahun 1882, tetapi merupakan kesinambungan sah kedaulatan watan yang berakar daripada Kesultanan Melayu Melaka dan diteruskan melalui Kesultanan Johor–Pahang–Riau Lingga. Institusi Kesultanan Pahang Moden berdiri sebagai kesinambungan sistem pemerintahan berdaulat berteraskan Islam, adat Melayu, dan undang-undang sejak abad ke-15. Perjanjian Inggeris–Belanda 1824 serta Perjanjian Riau 1830 hanya menzahirkan semula prinsip adat Melayu, iaitu hak raja-raja watan untuk memerintah secara berdaulat dengan syura dan bai‘ah rakyat serta pembesar.

Susur galur pemerintahan daripada Sultan Ahmad al-Mu‘azzam Shah hingga Al-Sultan Abdullah Ri‘ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah pada hari ini membuktikan keteguhan sistem monarki Melayu dan daya tahan nilai watan dalam menghadapi campur tangan kuasa luar serta tuntutan perlembagaan moden. Kedudukan Sultan Pahang menzahirkan kesinambungan autoriti berlandaskan Islam dan adat Melayu, memperkukuh hakikat bahawa kedaulatan raja Melayu bukan sekadar simbol, tetapi sumber kuasa tiga cabang pemerintahan legislatif, eksekutif dan

kehakiman yang sah dan hidup, berfungsi sebagai teras kestabilan, keadilan, dan jati diri negara bangsa.

Justeru, dapat dirumuskan bahawa Sultan dan Yang di-Pertuan Negeri Pahang ialah pewaris sah kedaulatan kesultanan Melayu yang berdaulat melalui sistem ganti pemerintah yang tidak terputus mengikut adat Melayu. Kelangsungan kedaulatan ini tidak hanya berasaskan garis keturunan, tetapi berpaksikan legitimasi sejarah, adat, undang-undang, dan epistemologi Islam yang membentuk teras kenegaraan watan.

PENGHARGAAN

Artikel ini merupakan produk daripada penyelidikan sejarah perundangan dan perlembagaan bagi penerbitan buku berjudul "Struktur Asas dan Isu Perlembagaan" yang dibiayai oleh Tetuan Abad Sinergi Sdn Bhd. (IIUM Project ID: SPP24-222-0222). Pengarang merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Abad Sinergi Sdn Bhd.

RUJUKAN

- Adil, B. (1972). *Sejarah Pahang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adil, B. (2021). *Sejarah Johor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, M. Y. (2015). *Kesultanan Melayu Melaka* (Ed. ke-2). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Linehan, W. (2020). *History of Pahang*. Kuala Lumpur: Silverfish Books Sdn. Bhd.
- Indira Gandhi a/p Mutho v. Pengarah Jabatan Agama Islam Perak & Ors and other appeals* [2018] 1 MLJ 545.
- Mohamed Anwar, O., Wan Husain, W. A. F., Abu Bakar, J., & Zakaria, Z. (2013). Legitimacy of the Malays as the sons of the soil. *Asian Social Science*, 9(1), 1–9. <https://doi.org/10.5539/ass.v9n1p1>
- Raja Ali Haji. (1998). *Tuhfat al-Nafis* (V. Matheson, Ed.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samad Ahmad (Pngr.). (1985). *Kerajaan Johor-Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Samad Ahmad (Pngr.). (2015). *Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tun Seri Lanang. (1997). *Sulalat al-Salatin* (Muhammad Salleh, Pngr.). Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan & Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017a). *Konsep Kedaulatan Watan: Suatu pengenalan*. Selangor: Majlis Ittihad Ummah.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2017b). *Konsep Kedaulatan Watan Raja-Raja Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia menurut sejarah perundangan* (Tesis kedoktoran). Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2018). *Kedaulatan Raja-Raja Melayu: Jurisprudens, governan & prinsip Perlembagaan Persekutuan*. Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2021). *Yang di-Pertuan Agong: Kedaulatan, prerogatif dan amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2022). *Kedaulatan Malaysia: Governan utama negara*.

- Selangor: Abad Sinergi Sdn. Bhd. bersama Penerbit Universiti Malaysia Pahang.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2023). Analysis of the law of the Pahang Code from the aspect of modern constitutional features. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(4), 220–233.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain. (2024). An introduction of colonial framework from watanic jurisprudence analysis: A case study on the Malay states. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(4), 288–300.
- Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Ahmad Farid Abd Jalal, & Mohamed Anwar Omardin. (2024). Negeri Melayu Pahang tidak dijajah: Satu analisis dokumen perundangan sehingga Triti 1948 [The Malay state of Pahang was not colonised: An analysis of legal documents until the Treaty of 1948]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(2), 116–140.
- Wan Husain, W. A. F. (2017). Konsep kedaulatan Raja-raja Melayu menurut kerangka peribumi. *Kanun*, 29(2), 41–65.
- Wan Husain, W. A. F., & Maarof, Z. (2023). Keabsahan Kesultanan Johor moden sebagai pelestari perdu legasi Kesultanan Melayu Melaka menurut Jurisprudens Watan [The legitimacy of the modern Johor Sultanate as the core heir of the Malay Sultanate legacy viewed from Watanic Jurisprudence]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 7(3), 200–215.